

JANUARI - JUN 2020

ISSN 0254-0916

1441-3063 (e-ISSN)

**BERIGA**  
Berita Umum

بريگا

**BAHASA MELAYU DAN MASYARAKAT PATANI, THAILAND**

**PERSEDIAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
MENGHADAPI REVOLUSI INDUSTRI 4.0:  
PENYEJAJARAN DENGAN WAWASAN BRUNEI 2035**

JANUARI – JUN 2020

ISSN 0254-0118 1441 جمادى الأولى – ذوالقعدة

**BERIGA**  
Bacaan Umum BIL. 124



**PEMANGKU PENGARAH**

Awang Suip bin Haji Abdul Wahab

**PEMANGKU TIMBALAN PENGARAH**

Dr. Haji Mohd Ali bin Haji Radin

**KETUA BAHAGIAN PENYELIDIKAN, DOKUMENTASI DAN  
PENGIKTIRAFAN/KETUA EDITOR**

Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit

**KETUA BAHAGIAN PENERBITAN DAN PEMASARAN**

Awang Mohd Azurin bin Othman

**KETUA BAHAGIAN SENI LUKIS DAN REKA BENTUK**

Awang Haji Muhammad Sofiyuddin bin Haji Sani

---

**EDITOR**

Dayang Ruhana binti Radin

Dayang Noor Lenny binti Haji Mohamed Yusuf

Awang Muhamad Najmuddin bin Mohammad

**PENASIHAT PENYUNTINGAN**

Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Bakyr

Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid

Profesor Adjung Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Md. Yunos

Dato Haji A. Aziz bin Deraman

---

**PENYELARAS PENERBITAN**

Dayang Maysalamah binti Haji Hitam

Dayang Wathiqah Amirah binti Haji Wasli

Dayang Asmah binti Haji Abdullah

Pengiran Mohamad Azmie bin Pengiran Daud

**PENYELARAS REKA BENTUK**

Awang Abd. Ajihis bin Haji Terawih

---

**SENI FOTO**

Awang Hijium bin Yusop

**GAMBAR HIASAN KULIT**

Rumah Hidroponik

Perusahaan RZ Prisma

Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei

# BAHASA MELAYU DAN MASYARAKAT PATANI, THAILAND

**Dr. Sato, Hirobumi @ Rahmat  
Manavavee Mamah**

## Abstrak

Masyarakat di rantau Nusantara sebenarnya masih tidak mengenali atau salah faham mengenai masyarakat suku bangsa Melayu yang mendiami rantau Patani di selatan Thailand. Sejak dari dahulu lagi, keturunan Melayu di Patani telah membentuk komuniti budaya Melayu makmur bersama dengan mengamalkan peradaban Islam. Selain itu, terdapat juga masyarakat tempatan di rantau ini yang beragama Islam dan bukan beragama Islam tetapi tidak tahu menggunakan bahasa Melayu. Bahasa Melayu yang dituturkan oleh suku bangsa Melayu di rantau Patani ini diberi nama *bhasa Yawi* (ภาษายาวี) dalam bahasa Thai. Generasi berumur 40 tahun ke bawah yang mampu berkomunikasi dalam dialek Melayu semakin berkurangan kerana negara Thailand menitikberatkan sistem pendidikan sekolah di seluruh negeri dalam bahasa Thai dan masyarakat tempatan fasih berbahasa Thai standard yang merupakan bahasa kebangsaan Thailand. Rencana ini dibuat untuk membetulkan salah faham para pengkaji dari luar terhadap penggunaan dan sistem pendidikan bahasa Melayu di rantau Patani pada zaman sekarang. Bahagian akhir rencana ini juga menyentuh mengenai sejarah penubuhan kerajaan Patani dari tahun 1457 hingga 1902 untuk memahami makna istilah Melayu yang sering dibangkitkan oleh pelbagai pihak di rantau Nusantara.

Kata kunci: bahasa Melayu, masyarakat Patani, sejarah Patani, bahasa Thai

## Abstract

*People in Nusantara probably do not know or misunderstand about Malay ethnic communities that inhabit the Patani region of southern Thailand. After many years, Malay descendant in Patani had formed co-prosperous Malay cultural community in this region by practicing Islamic civilization. Apart from it, there are local community who are Muslims and non-Muslims but do not speak in Malay within the region. The Malay language spoken by the Malays in Patani is called *bhasa Yawi* (ภาษายาวี) in Thai. Generations under 40 years old who knows how to speak in Malay dialect are decreasing drastically because Thailand emphasizes the education's system for all the nationals in Thai language and the locals speak standard Thai language fluently as their national language. The main purpose of this paper is to correct the vast misunderstandings of outside scholars about the use and education systems on Malay language in the Patani region. The final section of this paper will touch on the history of the establishment of Patani kingdom in 1457 until 1902 as a main key to understand the meaning of Malay term which is*

often raised by various parties in this Nusantara archipelago.

Keywords: Malay language, Patani community, history of Patani, Thai language

## PENDAHULUAN

Makna yang tercakup dalam istilah *Melayu* terlalu luas dan kadangkala terlalu sempit kerana adanya sudut pandangan yang berbeza mengikut negara dan juga kawasan di rantau Nusantara. Satu pengertian yang diterima secara umum di sesebuah negara belum tentu boleh diterima oleh negara lain. Istilah *Melayu* di negara-negara seperti Brunei, Malaysia dan Singapura ditekankan berdasarkan sudut politik dan pentadbiran negara masing-masing, manakala sudut antropologis budaya memainkan peranan penting di negara Indonesia. Ini ditambah lagi dengan istilah *pribumi* atau *bumiputera* yang sering dicampur-adukkan dengan istilah *Melayu* selepas negara-negara di Nusantara mencapai kemerdekaan.

Adalah tidak dapat dipastikan dengan tepat bila istilah *Melayu* mula digunakan dalam perhubungan masyarakat dan diplomatik antara negara rantau Nusantara. Ini kerana istilah *Melayu* tidak dapat diertikan dari sudut sains tulen. Suku-suku bangsa yang mempunyai satu ciri antropologi budaya yang mirip, tidak semestinya dibatasi dengan kurungan sempadan sebuah negara sahaja. Satu suku bangsa yang mempunyai persamaan dari segi antropologi budaya dapat dilihat tersebar dengan melangkaui garis sempadan negara. Hal ini tidak perlu dipersoalkan kerana sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat Asia Tenggara.

Rencana ini memfokuskan mengenai masyarakat yang menggunakan bahasa Melayu bagi satu suku bangsa yang mengaku dirinya sebagai orang Melayu di selatan Thailand, iaitu rantau Patani yang bersempadan dengan Malaysia. Sejak dahulu lagi, keturunan ini sudah lama menetap di rantau Patani sehingga membentuk komuniti budaya Melayu makmur bersama dengan mengamalkan peradaban Islam. Selain itu, terdapat masyarakat tempatan bukan Melayu yang tidak menggunakan bahasa Melayu di rantau ini. Oleh itu, rencana ini bertujuan untuk membetulkan salah faham sesetengah pengkaji dari dalam dan juga luar Nusantara terhadap penggunaan bahasa dan masyarakat suku bangsa Melayu di rantau Patani.

Satu peraturan yang akan digunakan dalam penulisan rencana ini ialah penggunaan istilah *kerajaan* dan *pemerintah*. Makna kedua-dua istilah ini selalu mengelirukan pembaca. Istilah *kerajaan* membawa maksud *kingdom* atau *government* dalam bahasa Inggeris dan istilah *kesultanan* adakalanya tidak sesuai diterjemahkan sebagai *kingdom* dalam bahasa Inggeris. Hal ini juga berlaku bagi istilah *pemerintah* (*government* atau *commander*). Oleh yang demikian, rencana ini akan menggunakan istilah *kerajaan* dengan makna *kingdom* dan istilah *pemerintah* dengan makna *government* untuk mengelakkan kekeliruan pengertian.

## BAHASA DALAM MASYARAKAT WILAYAH SEMPADAN DUA NEGARA

Terdapat dua masyarakat besar, iaitu suku bangsa Melayu dan suku bangsa Siam (Thai) wujud secara bersilang dengan melintasi sempadan di antara negara Thailand dengan Semenanjung Malaysia. Istilah *Siam* pada masa ini jarang digunakan dalam masyarakat Thailand moden, tetapi istilah ini akan digunakan secara akademik dalam rencana ini tanpa sebarang prasangka kepada mana-mana pihak.

Peratusan suku-suku bangsa Melayu dan Siam adalah sangat kecil dari segi statistik demografi di negara masing-masing. Namun, bilangan mereka cukup besar sehingga suku bangsa Melayu dapat membentuk sebuah komuniti budaya Melayu makmur bersama di rantau sempadan antara dua buah negara tersebut. Penduduk suku bangsa Melayu beragama Islam yang mendiami sebelah selatan Thailand yang dipanggil rantau Patani (wilayah Pattani,

wilayah Narathiwat, wilayah Yala, dan empat daerah dalam wilayah Songkhla) sudah mencapai lebih kurang dua juta orang pada tahun 2010. Pada dasarnya, mereka merupakan warganegara Thailand, iaitu rakyat Thailand yang berketurunan Melayu. Begitu juga suku bangsa Siam, berjumlah lebih kurang 50,000 orang yang beragama Buddha menetap di sebelah utara Malaysia, iaitu di negeri Kedah, Perlis, Perak, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu. Selain itu, terdapat juga mereka yang memiliki status kewarganegaraan Malaysia tetapi berketurunan Siam.

Orang Melayu di selatan Thailand memberi gelaran kepada orang Siam dengan nama agama, iaitu *orang Buddha*. Ini adalah kerana menurut adat mereka, orang yang mengaku dirinya sebagai orang Melayu di selatan Thailand sudah pasti beragama Islam. Namun, apabila dilihat di negara Thailand secara keseluruhan, didapati bahawa seseorang yang beragama Islam tidak semestinya berbangsa Melayu. Oleh yang demikian, satu istilah, iaitu *Thai-Muslim* telah digunakan bagi merujuk seseorang yang beragama Islam dan bukan berbangsa Melayu dalam masyarakat Thailand.

Pemerintah Malaysia telah mengisytiharkan secara rasmi bahawa negaranya merupakan masyarakat berbilang kaum dari segi budaya, agama, politik dan pentadbiran negara. Ini berbeza dengan pemerintah Thailand yang telah melaksanakan Nasionalisme Besar Thailand yang secara rasminya menetapkan seluruh rakyatnya berstatus sama, iaitu sebagai *orang Thai(land)*.



Peta sempadan negara Thailand – Malaysia.

Setiap masyarakat di rantau sempadan negara menggunakan bahasa utama masing-masing. Bahasa Thai merupakan bahasa kebangsaan Thailand yang digunakan secara dominan di seluruh peringkat urusan pentadbiran dan pendidikan negara. Begitu juga Malaysia menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam perlembagaan persekutuan. Perlembagaan Malaysia mengiktiraf dua bahasa sebagai bahasa rasmi negara, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi pertama dan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi kedua. Kewujudan bahasa Inggeris mencerminkan pengaruh penjajahan British yang pernah mewarnai Malaysia, malahan penggunaan bahasa Inggeris semakin meningkat dalam masyarakat Malaysia pada zaman sekarang. Ini berbeza dengan situasi dan peranan bahasa Inggeris di Thailand.

Gerakan Bahasa Kebangsaan sudah lama diperkenalkan di Malaysia, namun gerakan ini sebenarnya kurang berkesan di Semenanjung Malaysia. Akan tetapi, warga asing yang tinggal di Malaysia memberikan pendapat bahawa seluruh rakyat Malaysia menggunakan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu dalam sistem pendidikan sekolah, selain membentuk masya-

rakat berbahasa bilingual atau multilingual. Namun, realitinya berlaku kekacauan bahasa kebangsaan dalam kehidupan sehari-hari. Tanpa mengira bangsa, kaum, jantina, usia tua atau muda, masih terdapat segelintir rakyat Malaysia yang tidak mampu membaca, menulis dan bertutur dalam bahasa Melayu walaupun zaman sudah memasuki abad ke-21.

Pelbagai isu yang timbul terhadap penggunaan bahasa Melayu di Malaysia bermula daripada urusan di pejabat swasta dan kerajaan, bahkan hingga ke pasar ikan. Kebanyakan rakyat Malaysia tahu menggunakan bahasa Melayu pasar tetapi tidak ramai yang memahami dan mampu menggunakan bahasa Melayu standard. Orang seperti ini, termasuklah orang Melayu sendiri yang bersifat ego dengan tidak rela mengakui kelemahan diri sendiri dan pandai memutarbelitkan fakta bahasa dengan menegaskan bahawa bahasa Melayu tidak ada tatabahasa, tidak banyak kosa kata dan bahasa ini kuno serta tidak berguna. Malah, pendapat ini diucapkan dalam bahasa Inggeris dan ini menunjukkan mereka tidak mampu berbahasa Melayu. Timbul pertanyaan tentang perbezaan antara “tidak berguna” dengan “tidak dapat dipergunakan”. Adakah ukuran kelemahan mereka ini boleh dijadikan sebagai ukuran fungsi bahasa Melayu di Malaysia?

Orang Melayu di Patani, Thailand yang mampu bertutur dalam dialek Melayu tempatan semakin berkurangan. Begitu juga penggunaan bahasa Melayu standard semakin sukar dijumpai. Generasi suku bangsa Melayu yang berusia lebih kurang 40 tahun ke bawah, iaitu lahir pada akhir tahun 1970 hingga 1980 ke atas, membentuk lapisan masyarakat baharu yang menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa utama kerana kesukaran dan tidak tahu bertutur dalam dialek Melayu tempatan. Impaknya, majoriti suku bangsa Melayu di selatan Thailand kini sudah menguasai bahasa Thai standard, iaitu bahasa kebangsaan Thailand melalui sistem pendidikan sekolah yang bermula dari peringkat taman didikan kanak-kanak. Bagi suku bangsa Siam yang berjumlah lebih kurang satu juta orang di rantau Patani, pada dasarnya tidak menggunakan atau faham bahasa Melayu. Ini membuktikan bahawa pemerintah Thailand telah berjaya melaksanakan dasar bahasa kebangsaan di seluruh negara Thailand dengan konsep “Satu negara, satu bahasa persatuan”.

Kampung-kampung Melayu di rantau Patani, selatan Thailand telah menarik ramai pengkaji dari luar negara Indonesia dan Malaysia, dengan tujuan untuk mengembangkan kajian mereka di selatan Thailand. Sebahagian daripada pengkaji memberi komen yang sama terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam penyelidikan mereka. Mereka menyatakan bahawa orang Melayu di selatan Thailand menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam kehidupan sehari-hari. Pengkaji menggunakan bahasa Melayu standard atau bahasa Indonesia untuk berkomunikasi dengan orang kampung.

Namun, pernyataan di atas menimbulkan kesalahfahaman. Ini adalah kerana para pengkaji sudah pasti telah meminta bantuan seorang warga Thailand yang berketurunan Melayu dan pernah mendapat pendidikan di sekolah menengah atau universiti di Indonesia atau Malaysia sebelum menjalankan penyelidikan di kampung selatan Thailand. Amat mustahil bagi pengkaji dari luar negara dapat memahami dialek Melayu tempatan tanpa sebarang bantuan untuk berkomunikasi dengan para informan di sana. Penutur jati bahasa Melayu di Malaysia atau bahasa Indonesia di Indonesia pun tidak dapat memahami dialek bahasa Melayu tempatan di selatan Thailand tanpa mempelajarinya terlebih dahulu, melainkan penutur jati dialek Melayu Kelantan di Malaysia.


### **DIALEK BAHASA MELAYU YANG DISEBUT BHASA YAWI (ภาษาไทยวี)**

Masyarakat suku bangsa Melayu yang tinggal di rantau sempadan negara Thailand dan Malaysia, terutama di rantau Patani, iaitu di wilayah Pattani, wilayah Narathiwat, wilayah Yala, dan empat daerah dalam wilayah Songkhla menggunakan dialek Melayu yang di-

namakan dialek Patani-Kelantan oleh ahli linguistik sebagai bahasa dominan dan digunakan secara harian. Namun, penggunaan bahasa Melayu atau bahasa Indonesia standard dalam sistem pendidikan sekolah di Malaysia atau Indonesia tidak digunakan dalam masyarakat Patani.

Terdapat perbezaan linguistik antara dialek Patani-Kelantan dengan bahasa Melayu atau bahasa Indonesia standard, terutama pada kosa kata, sebutan, dan tatabahasa. Satu ciri yang ada pada bahasa Melayu dan bahasa Indonesia standard, iaitu ciri aglutinatif yang memperlihatkan penggunaan pelbagai jenis imbuhan untuk menerbitkan kata terbitan tidak terdapat dalam dialek Patani-Kelantan. Oleh yang demikian, ungkapan seperti “pembangunan masyarakat” terpaksa digantikan dengan ungkapan lain seperti “buat jalan besar”, “buat rumah tinggi”, “buat sekolah”, “kasi taman bersih”, dan sebagainya. Timbul persoalan jika ungkapan ini boleh dikategorikan sebagai bahasa Melayu atau sebaliknya.

Pengkaji bahasa Melayu daripada aliran linguistik bandingan-historis masih berterusan merekonstruksi bentuk bahasa proto. Kajian yang dibuat oleh pengkaji adalah berbeza-beza mengikut minat masing-masing sama ada aspek tatabahasa atau aspek lain. Pengkaji bahasa Melayu yang berminat mengkaji tatabahasa di Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura semakin berkurangan. Ini bukan disebabkan pengkaji penutur jati sudah tahu selok-belok bahasa Melayu dengan sempurna tetapi pengkaji sendiri tidak menghadapi masalah kajian bahasa. Hal-hal tatabahasa sesuai dikaji oleh pengkaji luar yang meminatinya.



Rantau Patani di selatan Thailand.

Dialek Patani-Kelantan digelar *bhasa Yawi* (ภาษายาวี) dalam masyarakat Thailand dan *bhasa Melayu* (ภาษามลายู) dalam bahasa Thai. Nama *bhasa Yawi* ini terkenal di ibu kota Bangkok (Krungthep) kerana terdapat sebahagian kecil penduduknya masih menggunakan dialek Melayu ini. Nama *bhasa Yawi* mempunyai kaitan dengan tulisan Jawi (جاوي) yang digunakan secara meluas dalam penulisan sejak ratusan tahun yang lalu. Sebaliknya, tulisan Rumi bahasa Melayu masih tidak digunakan secara umum di Thailand.

Bahasa Thai tidak mengenal sebutan konsonan *J*. Oleh sebab itu, bunyi pertama kata Jawi diganti dengan sebutan *Y*, iaitu *Yawi* (yāwī). Vokal yang kedengaran panjang ini mencerminkan ciri bahasa Thai. Pendek kata, bahasa Melayu (بهاس ملايو) dikenal sebagai bahasa Jawi (بهاس جاوي) melalui rupa tulisan yang digunakan, dan disebut *bhasa Yawi* (ภาษายาวี) dalam bahasa Thai. Tiga nama ini merujuk kepada satu bahasa yang sama, bukan tiga bahasa yang berlainan. Manakala, kata *bhasa* (ภาษา) atau *bahasa* (بهاس) berasal daripada bahasa Pali atau bahasa Sanskrit di India.



Aksara Thai, Rumi dan Jawi.<sup>1</sup>



Perhiasan musim bulan puasa.<sup>2</sup>



Tulisan Jawi bertahan, bukan semakin berkembang di Thailand.<sup>3</sup>

Orang Melayu di Thailand tidak biasa menulis bahasa Melayu dalam tulisan Rumi. Sebuah akhbar telah menyiarkan artikel mengenai tulisan Jawi yang semakin berkembang di Thailand tetapi hakikatnya artikel ini tidak menggambarkan situasi sebenar bahasa Melayu. Artikel ini ditulis oleh pelapor yang tidak memahami keadaan semasa mengenai bahasa Melayu di Thailand. Rakyat Thailand menggunakan aksara Thai untuk menulis bahasa Thai dan tidak biasa menulis dengan tulisan Rumi. Begitu juga berlaku bagi bahasa Melayu di Thailand yang dicatat dengan tulisan Jawi sahaja sejak ratusan tahun yang lalu. Ini menunjukkan bahawa penggunaan tulisan Rumi masih lagi asing bagi mana-mana pihak di Thailand (lihat gambar stesen kereta api Hat Yai/Haadyai).

Pada sekitar tahun 2010, satu cadangan dikemukakan oleh sekumpulan masyarakat Thailand untuk menggunakan aksara Thai dalam penulisan bahasa Melayu dan segelintir pengkaji bahasa Melayu mengkaji ejaan aksara Thai dari segi ilmiah. Cadangan ini mencerminkan ketidakbiasaan tulisan Rumi dalam masyarakat Thailand dan terdapat segelintir orang Melayu yang menentang cadangan ini. Oleh itu, timbul perdebatan antara dua pihak yang berpunca daripada soal agama. Bahasa Melayu dikhuatiri akan terpengaruh dengan bahasa Thai yang dipengaruhi oleh agama Buddha. Padahal agama Islam diamalkan secara aman dalam bahasa Thai di luar rantau Patani di dalam Thailand. Hal ini menjadi persoalan kerana bahasa Thai tidak dianggap berkepentingan dengan agama Islam dari aspek sejarah, akan tetapi tulisan Rumi dan dunia Barat tidak mendapat tentangan yang hebat. Kedua-dua

1 Foto ini diambil di wilayah Pattani, Thailand pada bulan Julai 2012.

2 *Ibid.*

3 Dipetik daripada berita perpustakaan Universiti Malaya (*Berita Harian*, 9 Mac 2010).



negara, iaitu Indonesia dan Malaysia sepatutnya merenung kembali sejarah bahasa kebangsaan masing-masing kerana tulisan Rumi sudah lama menjadi darah daging bagi kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.

Dalam pada itu, *bhasa Yawi* atau dialek Melayu tempatan hampir lenyap di sebelah barat dalam wilayah Songkhla dan wilayah Satun walaupun kedua-dua wilayah ini tergolong dalam selatan Thailand. Masyarakat suku bangsa Melayu di rantau ini sangat sedikit, jika dibandingkan dengan wilayah Songkhla yang mengandungi empat daerah di sebelah timur dan tiga wilayah lain, iaitu wilayah Pattani, wilayah Narathiwat dan wilayah Yala. Akan tetapi, terdapat juga masyarakat beragama Islam di Satun dan sebelah barat Songkhla yang terdiri daripada suku bangsa bukan berketurunan Melayu. Kehidupan bermasyarakat di sebelah barat wilayah Songkhla dan wilayah Satun boleh dikatakan berkomunikasi dalam bahasa Thai secara keseluruhannya.

Jika hendak memasuki negara Thailand menggunakan jalan darat dari Malaysia, hendaklah melalui salah satu pintu imigresen yang terletak di sebelah barat sempadan negara, iaitu imigresen Bukit Kayu Hitam, Malaysia, dan Sadao, Thailand. Selepas melepasi dua pos kawalan imigresen dan perjalanan selama 40 minit akan membawa ke destinasi seterusnya, iaitu kota perniagaan terbesar di selatan Thailand, yang dinamakan kota Hat Yai (kota Haadyai) di wilayah Songkhla. Sistem jalan raya darat di selatan Thailand yang sangat teratur menjadikan kota besar ini berkembang pesat dan selalu penuh dengan pelancong dari Malaysia sepanjang tahun. Kini laluan udara dan kereta api sudah dibina bagi kemudahan rakyat Malaysia dan Thailand.



Bangunan stesen kereta api yang sama: Hat Yai (kiri) dan Haadyai (kanan).<sup>4</sup>



Tulisan bahasa Thai dan ayat Al-Quran di gerai Muslim.<sup>5</sup>

4 Foto ini diambil di kota Hat Yai (Haadyai), Thailand pada bulan November 2018. Foto ini memberikan contoh bahawa perkataan bahasa Thai tidak dapat dicatatkan dengan tepat dalam ejaan Rumi.

5 Foto ini diambil di wilayah Pattani, Thailand pada bulan November 2018.

Beberapa buah kedai membeli-belah dan restoran halal yang menyasarkan pelancong dari Indonesia dan Malaysia semakin bertambah di tengah kota Hat Yai dan sebahagiannya mengambil pekerja sebagai kerani atau pelayan yang mahir berbahasa Melayu standard. Jika bertemu dengan mereka yang mahir berbahasa Melayu ini menandakan mereka pernah belajar di sekolah atau pusat pengajian tinggi di Indonesia atau Malaysia.

### PENDIDIKAN BAHASA MELAYU STANDARD

Bermula sekitar tahun 2000, terdapat beberapa buah taman didikan kanak-kanak (tadika) dan sekolah rendah atau dasar di rantau Patani yang memperkenalkan subjek bahasa Melayu secara berperingkat-peringkat. Manakala subjek-subjek yang lain turut diajarkan dalam bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Thai. Pemerintah Thailand dan kumpulan proautonomi Patani telah bersetuju untuk memupuk bahasa dan budaya Melayu di selatan Thailand, khususnya di rantau Patani.



Di depan sekolah rendah, wilayah Pattani.<sup>6</sup>

Penubuhan jabatan pengajian atau program bahasa Melayu dan bahasa Indonesia di beberapa buah universiti di selatan Thailand merupakan satu impian yang menjadi kenyataan. Para pensyarah tempatan yang mengendalikan kursus atau program ini merupakan lulusan daripada universiti-universiti dari Brunei, Indonesia atau Malaysia yang mempunyai gaya bahasa yang berbeza-beza mengikut negara masing-masing. Oleh sebab ketiadaan bahasa Melayu tinggi yang dapat diakui sebagai gaya bahasa standard di selatan Thailand, maka perbezaan gaya bahasa yang digunakan oleh pensyarah tersebut telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan mahasiswa.

*Bahasa Yawi* tidak diiktiraf sebagai dialek yang sesuai digunakan untuk memperjelaskan fungsi bahasa Melayu standard dalam bidang linguistik seperti kajian morfologi dan sintaksis di pusat pengajian tinggi. Pensyarah yang dijemput dari Indonesia dan Malaysia juga menghadapi masalah dalam penggunaan bahasa pengantar mereka yang berbeza.



Kelas sekolah rendah di wilayah Pattani.<sup>7</sup>

6 Foto ini diambil di wilayah Pattani, Thailand pada bulan November 2018.

7 Foto ini diambil di wilayah Pattani, Thailand pada bulan Julai 2012.

Pada hakikatnya, mahasiswa daripada apa jua bidang kajian kurang berkemampuan dalam mengendalikan dua gaya bahasa standard, iaitu bahasa Indonesia dan bahasa Melayu Malaysia. Hal ini memang sukar dilaksanakan kerana pendidikan bahasa Melayu standard di negara Thailand menghadapi masalah sejak penubuhan awal program ini.



Penulis memberi ceramah di Universiti Yala Rajabhat.<sup>8</sup>

Satu hal yang menjadi masalah ialah sikap pengkaji bahasa Melayu sendiri khususnya pengkaji dari luar Nusantara seperti Amerika, Jepun dan negara-negara Eropah tidak menyedari perbezaan gaya bahasa antara bahasa Indonesia dan bahasa Melayu di Malaysia. Pengajian di peringkat antarabangsa mengenai dua bahasa ini telah mewujudkan satu fahaman dalam kalangan pensyarah dan mahasiswa bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kuno dan bahasa Malayu ialah bahasa klasik yang menjadi dasar kepada bahasa moden, iaitu bahasa Indonesia.



Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan Thailand.<sup>9</sup>

Gambar di atas memperlihatkan keunikan kepelbagaian bahasa di negara Thailand. Barisan atas ditulis dalam bahasa Thai, manakala barisan kedua dalam bahasa Inggeris yang menunjukkan fungsi pejabat ini adalah berkaitan dengan urusan sempadan negara. Barisan ketiga dalam bahasa Melayu ditulis dengan tulisan Jawi dan barisan keempat dalam bahasa

8 Foto ini diambil di Universiti Yala Rajabhat (YRU), wilayah Yala, Thailand pada bulan Mac 2018.

9 Foto ini diambil di wilayah Yala, Thailand pada bulan Mac 2019.

Cina. Dari segi keindahan seni, tidak dapat dinafikan bahawa susunan empat jenis tulisan ini mempesonakan pelawat. Tetapi menjadi satu tanda tanya tentang penggunaan bahasa Cina yang tertera pada tembok batu tersebut.

### **KERAJAAN LANGKASUKA DAN KERAJAAN PATANI**

Bahagian ini akan memperkenalkan mengenai sejarah zaman kuno rantau selatan Thailand berdasarkan karya hikayat. Pada zaman sebelum lahirnya komuniti budaya Islam di rantau Patani, sebuah kerajaan Hindu Buddha yang dikenali dengan nama kerajaan Langkasuka telah wujud, iaitu pada abad ke-2 hingga ke-14. Kerajaan ini adalah di bawah naungan kerajaan Kedah dan terletak di rantau sempadan negara Thailand dan Malaysia yang digariskan pada zaman sekarang. Kelahiran kerajaan Langkasuka diceritakan melalui kisah dongeng *Hikayat Merong Mahawangsa* yang dikatakan mencatat sejarah kerajaan Kedah. Menurut segelintir pengkaji, salasilah kerajaan Kedah dalam hikayat ini bersesuaian dengan sebuah kisah yang terkarang dalam salasilah raja Siam (Thai). Oleh itu, kisah kerajaan Langkasuka yang tercatat dalam hikayat tersebut tidak patut diketepikan sebagai cerita dongeng sahaja.

Dalam naskhah salasilah raja Siam, iaitu *Phongsawadan Muang Saiburi* (พงษ์สวัสดิ์เมืองสายบุรี) yang dikarang pada pertengahan abad ke-19 menerangkan bahawa kata *Muang* (เมือง) dan *Saiburi* (ไทรบุรี) dalam bahasa Thai bermaksud *Muang Saiburi* yang merujuk kepada kerajaan Kedah dalam sejarah. Satu nama yang sering disalah tafsir oleh pengkaji luar ialah nama sebuah kota *Saiburi* (สายบุรี) yang terletak di wilayah Pattani. Dua nama yang mirip dalam ejaan Rumi ini mempunyai perbezaan dari segi ejaan dan bunyi jika dieja dengan aksara Thai. Kekuasaan kerajaan Kedah pada zaman itu luas sehingga meliputi Perlis, Satun, Songkhla dan Nakhon Si Thammarat.



Siti Hawa Haji Salleh (penyusun) *Hikayat Merong Mahawangsa*.

Kerajaan Langkasuka diserang oleh kerajaan Chola (India) pada abad ke-11 dan kemudian menjadi tanah jajahan kerajaan Sriwijaya (Sumatera) pada abad ke-13. Selepas zaman tersebut, bangkit beberapa kuasa yang mendirikan kerajaan Patani dari tahun 1457 hingga 1902 di

rantau ini. Ini bermakna, kerajaan Patani tidak tertubuh dengan serta-merta tetapi wujud selepas keruntuhan kerajaan Langkasuka. Menurut ahli arkeologi, kerajaan Patani tidak didirikan oleh kuasa Muslim.

Kajian pertama sejarah dan budaya Patani yang berdasarkan naskhah klasik, dapat dilihat melalui karya Teeuw dan Wyatt (1970) yang akan diterangkan dalam rencana ini. Kajian-kajian yang dibentangkan pada abad ke-21 adalah lebih tertumpu pada aspek agama, berbanding dengan sejarah terbentuknya kerajaan Kedah, kerajaan Langkasuka dan kerajaan Patani. Kajian yang dibuat oleh pengkaji seolah-olah ingin menekankan satu teori bahawa ketiga-tiga kerajaan yang tersebut merupakan kerajaan Islam sejak awal kemunculannya. Salah satu sebab ialah istilah Melayu yang dikaitkan dengan agama Islam tidak dapat disamakan dengan keturunan darah yang dilihat dari segi biologi. Hal ini membangkitkan persoalan tentang asal mula nama Melayu dalam sejarah Nusantara, terutama di Malaysia dan Patani.



Runtuhan peninggalan pusat kerajaan Langkasuka yang dikatakan terletak di Kampung Yarang, wilayah Pattani.<sup>10</sup>

*Hikayat Patani* dikarang pada akhir abad ke-17 atau awal abad ke-18 merupakan sebuah naskhah yang mengisahkan tentang sejarah kerajaan Patani. Naskhah ini telah dijumpai dalam tiga salinan sahaja dan naskhah asal dianggap sudah tidak lagi wujud. Menurut Yock Fang (2011:503), salinan naskhah yang pertama ialah naskhah yang disalin di Singapura pada tahun 1839 oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi yang berkhidmat dengan pihak Belanda dan pihak Inggeris. Salinan naskhah yang kedua diperoleh oleh W.W. Skeat pada tahun 1899 semasa menetap di Patani. Manakala, salinan naskhah yang ketiga berasal daripada seorang pegawai Thai yang tinggal di Songkhla dan telah diterjemah ke dalam bahasa Thai untuk dipersembahkan kepada raja Thai yang mengunjungi Patani pada tahun 1928. Versi terjemahan bahasa Thai itu bertajuk *Prawat Muang Pattani* (ประวัติเมืองปัตตานี) yang diterbitkan pada tahun 1928.


Naskhah terjemahan dalam bahasa Thai seperti *Phongsawadan Muang Saiburi* (พงษสวัสดิ์เมืองสายบุรี) (*Hikayat Merong Mahawangsa*) dan *Prawat Muang Pattani* (ประวัติเมืองปัตตานี) (*Hikayat Patani*) digunakan oleh pegawai pemerintah Thai yang ditugaskan di rantau Islam.

10 Foto ini diambil di Kampung Yarang, wilayah Pattani, Thailand pada bulan Mac 2019.



Siti Hawa Haji Salleh (penyusun) *Hikayat Patani* (kiri).  
Siri karya sastera klasik *Hikayat Patani* untuk remaja (kanan).

Terdapat satu kenyataan yang menyatakan bahawa kerajaan Langkasuka (abad ke-2 hingga ke-14) tertubuh lebih awal daripada kerajaan Patani. Kisah dongeng pembukaan kerajaan Langkasuka dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* yang dikatakan mencatat sejarah kerajaan Kedah tidak terdapat dalam *Hikayat Patani* yang dihuraikan oleh Teeuw dan Wyatt (1970) dan dalam *Hikayat Patani* susunan Siti Hawa Haji Salleh (1992). Kedudukan lokasi dan keluasan kekuasaan kerajaan Langkasuka tidak dapat dipastikan dengan tepat dan Kampung Yarang yang diperkenalkan dalam gambar juga merupakan salah satu hasil perbincangan arkeologis.



Teeuw dan Wyatt (penyusun) *Hikayat Patani* (1970).

Dalam *Hikayat Patani*, kerajaan Patani Dar al-Salam atau Patani Darussalam muncul dalam sejarah apabila Raja Phaya Tu Antara atau Phaya Tu Nakpa yang mewarisi takhta raja daripada raja pertama Phaya Tu Kerub Mahajana memeluk agama Islam dan bergelar Sultan Ismail Shah. Ini membawa maksud, raja kedua ditabalkan sebagai sultan Patani yang pertama pada tahun 1457.

Sebuah cerita legenda mengenai pembukaan kerajaan Patani kekal diwariskan secara turun-temurun kepada masyarakat tempatan. Cerita ini bukan sahaja terdapat dalam *Hikayat Patani* tetapi juga dalam bentuk cerita jenaka tradisional masyarakat. Ceritanya mengisahkan Raja Phaya Tu Antara atau Phaya Tu Nakpa berburu dengan diiringi oleh rakyat baginda di sebuah hutan, berhampiran dengan pantai. Baginda ternampak seekor rusa putih, namun rusa putih ini hilang dengan tiba-tiba di depan mata rombongan pemburu. Kejadian ini menghairankan mereka. Baginda kemudian bertanyakan nama tempat tersebut kepada se-


orang nelayan tua, dan menyuruh rakyat baginda berbuat negeri. Nelayan tua itu bernama Pak Tani (Che' Tani, Encik Tani). Oleh sebab itu, negeri ini dinamakan Patani.

Sedikit huraian mengenai nama *Pak + Tani*. Seandainya kata-kata ini merupakan kosa kata bahasa Melayu, orang tua yang disoal oleh baginda akan menjawab seperti “Nenek ini seorang **petani** sahaja” atau “Nenek ini bercucuk tanam di tanah ini sahaja”. Jawapan ini lari daripada konteks wacana dan tersasar dari segi logik. Kampung ini mempunyai beberapa bahasa selain daripada bahasa Melayu pada zaman itu.

Sepucuk surat telah diterima daripada seorang pengkaji Jepun yang mempelajari sejarah rantau di sempadan Thailand dan Malaysia. Yang berikut ialah petikan isi kandungan surat tersebut, namun nama pengkaji tidak dinyatakan kerana maklumat diterima secara peribadi:

Dalam dokumen rasmi berbahasa Cina 唐船風說書 yang mengumpulkan warta berita Cina untuk dipersembahkan kepada pemerintah Jepun pada abad ke-17 terdapat rekod kapal perdagangan Cina yang datang dari tanah Patani yang namanya dieja sebagai 大泥. Nama bahasa Cina 大泥 ini diberi catatan sebutannya dalam bahasa Jepun sebagai たに (tani). Ertinya, pihak Jepun mengenal Patani dengan nama *Tani*. Berkaitan dengan nama *Pak Tani*, kata *Pak* ปาก ini membawa makna “kuala” atau “muara” dalam bahasa Thai. Pada abad ke-17 kapal perdagangan tidak dapat berlabuh di pelabuhan Patani (Ban. Kruse = Kg Kresik) kerana dasar lautnya cetek dan penuh dengan lumpur sehingga barang perdagangannya terpaksa diangkut dengan perahu-perahu kecil sampai ke pantai darat. Oleh hal yang demikian, nama Patani direkodkan sebagai 大泥 (= lumpur besar) dalam dokumen berbahasa Cina yang dicatatkan pada abad ke-17.


Menurut catatan, salasilah kerabat diraja Patani Dar al-Salam atau Patani Darussalam bermula secara rasmi daripada pertabalan Sultan Ismail Shah yang menaiki takhta pada tahun 1457. Kemudian takhta kerajaan diturunkan secara berturut-turut kepada raja-raja perempuan, iaitu pada zaman kegemilangan Patani, iaitu raja keenam Raja Ijau (Hijau), raja ketujuh Raja Biru, raja kelapan Raja Ungu dan raja kesembilan Raja Kuning. Keturunan kerabat diraja ini berakhir pada pertengahan abad ke-17. Raja yang kesepuluh dan raja-raja yang seterusnya tidak mempunyai hubungan darah dengan keturunan Sultan Ismail Shah. Dalam tempoh ini, kerajaan Patani berada di bawah naungan kerajaan Thai dan sistem kesultanan kerajaan ini dihapuskan pada 6 Mac 1902. Setelah itu, pihak British secara rasminya menjadikan Patani sebagai sebahagian wilayah kerajaan Thai melalui Perjanjian Bangkok pada tahun 1909.



Dipetik dan diubah suai berdasarkan Teeuw dan Wyatt (peny., 1970:11).

Jumlah naskhah yang mengisahkan mengenai sejarah kerajaan Patani sangat terbatas. Namun, kajian terhadap beberapa naskhah lama semakin meningkat sejak tahun 1990-an dan sebahagian daripadanya sudah diterbitkan dalam versi Rumi di Malaysia.

Salah satu naskhah tersebut ialah *Tarikh Patani* yang dikatakan telah dikarang oleh Syeikh Faqih Ali bin Muhammad bin Shafiuddin pada abad ke-17. Naskhah asalnya sudah tidak lagi wujud dan hanya beberapa salinan yang ada pada masa ini. Satu salinan unik yang ditulis oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani pada tahun 1813, iaitu *Tarikh Fathani* yang mempunyai perbezaan dari segi ejaan Jawi (lihat gambar). Namun, tidak diberi sebarang kenyataan kenapa ejaan Jawi itu ditukar oleh beliau.



Syeikh Faqih Ali bin Muhammad bin Shafiuddin, *Tarikh Patani* (kiri).  
Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, *Tarikh Fathani* (kanan).

Kedua-dua naskhah *Tarikh Patani* dan *Tarikh Fathani* memperlihatkan satu ciri penulisan yang mempunyai hubung kait dengan susunan sejarah kerajaan Patani, iaitu kisah kerajaan Langkasuka, akan tetapi kisah mengenai raja yang pertama, iaitu Phaya Tu Kerub Mahajana dan raja yang kedua memeluk agama Islam dan ditabalkan sebagai sultan pertama Patani tidak dinyatakan dalam naskhah tersebut.

Ini berbeza dengan *Hikayat Patani* yang tidak menyebut kisah pembukaan kerajaan Langkasuka. Ini memperlihatkan perbezaan antara *Tarikh Patani* atau *Tarikh Fathani* dengan *Hikayat Patani*.

### RANTAU PATANI (فطاني) DAN WILAYAH PATTANI (ปัตตานี)

Di akhir makalah ini, dua nama yang serupa tapi tidak sama akan dijelaskan secara terperinci. Nama kerajaan Patani di selatan Thailand sudah lama digunakan dalam sastera Melayu klasik. Namun, nama rantau Patani (ปาดานี) dengan satu *t* sering dicampur aduk oleh orang luar dengan nama Pattani (ปัตตานี) dengan dua *tt*. Dua nama ini mempunyai makna yang berbeza dan perbezaan keluasan geografinya juga sangat besar.

Rantau Patani (ฟطاني) (ปาดานี) di selatan Thailand pada masa sekarang merupakan tiga wilayah selatan, iaitu wilayah Pattani, wilayah Narathiwat, wilayah Yala, dan empat daerah dalam wilayah Songkhla. Nama ini bukan istilah rasmi yang diberikan oleh pentadbiran negara Thailand tetapi digunakan oleh masyarakat tempatan sebagai rujukan komuniti budaya Melayu makmur bersama di Thailand.

Sementara itu, nama Pattani (ปัตตานี) (فطاني) merupakan istilah rasmi pentadbiran negara Thailand yang merujuk kepada salah satu wilayah yang dikategorikan dalam selatan Thailand



sekarang. Perbezaan keluasan geografi antara rantau Patani dengan wilayah Pattani jauh berbeza walaupun perbezaan ejaan hanya dengan satu huruf *t*. Ditekankan sekali lagi bahawa kedua-dua ejaan Patani dan Pattani ini bukan satu kesilapan.

Nama Patani yang merujuk kepada rantau komuniti budaya Melayu makmur bersama, dianggap berasal daripada nama zaman kegemilangan kerajaan Patani pada abad ke-17. Keluasan kekuasaan kerajaan ini tidak dapat dipastikan dengan tepat pada zaman sekarang. Ejaan dalam bahasa Melayu adalah **Patani** (*t* [t] = ت), dan ada pihak yang mengejanya sebagai **Fathani** (*th* [r<sup>h</sup>] = ط) dengan gaya bahasa Arab.

Bahasa Arab tidak mengenal bunyi [p], manakala bahasa Melayu tidak mengenal bunyi [f]. Oleh yang demikian, ejaan Jawi ف lama (satu titik) yang dipinjam daripada bahasa Arab diucapkan dengan bunyi [p] dalam bahasa Melayu pada zaman dahulu. Ejaan Jawi moden pula memperkenalkan rekaan baharu, iaitu ف (tiga titik) yang melambangkan bunyi [p].



Bangunan stesen kereta api Pattani di wilayah Pattani.

Nama Patani (satu *t*) فتاني (ปัตตานี) merujuk kepada “komuniti budaya Melayu makmur bersama” di rantau selatan Thailand, manakala nama Pattani (dua *tt*) فطاني (ปัตตานี) digunakan untuk penamaan salah satu wilayah pentadbiran negara Thailand sekarang.

## PENUTUP

Rencana ini memperkenalkan mengenai masyarakat yang menggunakan bahasa Melayu di rantau Patani yang bersempadan dengan Malaysia (barat). Masyarakat ini sudah lama membentuk komuniti budaya Melayu makmur bersama dengan mengamalkan peradaban Islam. Namun, generasi baharu dalam kalangan mereka tidak banyak menguasai bahasa ibunda yang dinamakan *bhasa Yawi* (ภาษายาวี) dan melahirkan masyarakat berbahasa Thai, iaitu bahasa kebangsaan Thailand yang sering disalahertikan oleh sesetengah pengkaji dari luar. Untuk memahami perubahan masyarakat berbahasa tersebut, satu kajian secara mendalam mengenai sejarah rantau-rantau seperti Kedah, Perlis, Kelantan, dan kuasa penaung Siam yang telah dan perlu dilaksanakan akan membawa kepada perkembangan rantau Patani pada masa depan. **B**

## KEPUSTAKAAN

- Abdullah Zakaria Ghazali. 2016. “Naskhah Melayu Patani Mengupas Sejarah dan Kedaulatan Kerajaan Melayu di Selatan Thailand”. Kertas kerja dalam Siri Seminar Naskhah Melayu. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 29 April 2016.
- Hashimoto, (橋本卓). 「タイ南部国境県問題とマレー・ムスリム統合政策」『東南アジア研究 (25:2)』. “The Problem in the Southern Border Provinces of Thailand and the Integration Policy toward the Malay-Muslims” dlm. *Japanese Journal Southeast Asian Studies* 25 (2), hlm. 233 – 253. 1987.

- Jelani Harun. "Langkasuka dan Patani dalam Persuratan Melayu: Perbahasan terhadap Tarikh Fathani" dlm. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 8 (2), hlm. 177 – 200. 2015.
- Kuroda, (黒田景子) 「クダーにおけるシヤム人とタイ仏教寺院：寺院調査から (1)」 『鹿児島大学法文学部紀要人文学科論集(71)』 . "Siamese and Thai Buddhist Temples in Kedah: From Research Report (Part 1)" dlm. *Cultural Science Reports of Kagoshima University* 71, hlm. 21 – 45. Februari 2010.
- Mamah Manavavee dan Sato Hirobumi @ Rahmat. 2019. *Rintisan Sastera Melayu Klasik* 『古典ムラユ (マレー) 語文学小路』 วรรณคดีมลายูคลาสสิกเบื้องต้น. Saitama: Institute of Japan-Thailand Culture Studies.
- Mohamad Ali Majod. 2004. *Hikayat Patani*. Siri Karya Sastera Klasik untuk Remaja. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh (peny.). 1991. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hawa Haji Salleh (peny.). 1992. *Hikayat Patani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syeikh Faqih Ali bin Muhammad bin Shafiuddin. 2012. *Tarikh Patani*. Diterjemah oleh Tengku Ismail Tengku Chik dan Tengku Ariffin Tengku Chik. Bangkok: Islamic Culture of Patani (Southern Thailand) Foundation.
- Teeuw dan K. Wyatt (peny.). 1970. *Hikayat Patani: The Story of Patani*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Wan Mohd. Bhaghir Abdullah. 2000. *Tarikh Fathani* disusun oleh (Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani). Versi salinan dari naskhah *Tarikh Patani*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Yock Fang. 2011. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.